

## SIARAN AKHBAR

### HARI KITAR SEMULA SENEGARA BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2026

Ahad, 14 Jun 2026

14 Jun 2026 – Bagi mengakhiri Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2026, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan mengadakan Hari Kitar Semula Senegara serentak di keempat-empat daerah iaitu di Cawangan Pejabat JASTRe, Anggerek Desa dan Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampong Parit di Daerah Brunei dan Muara; Pejabat JASTRe Cawangan Tutong; Pejabat JASTRe Cawangan Belait dan Kawasan Letak Kereta Taman Rekreasi Muhibbah, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Inisiatif ini dikendalikan dengan kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat kitar semula tempatan: Kawan Bumi Sdn Bhd dan Shaliz Waste Recycling Sdn Bhd.

Sebanyak **2,771.40kg sisa kertas, 275.90kg kadbod, 276.40kg botol plastik, 308.50 liter minyak masak terpakai, 80 bateri lithium, 703 unit sisa elektronik dan 1,242 barang terpakai** telah berjaya dikumpulkan untuk dikitar semula.

Inisiatif ini adalah salah satu usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang ramai untuk mempraktikkan amalan kitar semula, di samping memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan kitar semula yang terdapat di negara ini.

Orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kitar semula di talian 2241262, atau melayari laman sesawang [www.env.gov.bn](http://www.env.gov.bn) dan ikuti Instagram rasmi iaitu [@jastre.bn](https://www.instagram.com/jastre.bn).

**- TAMAT -**

**Disediakan oleh:**

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi  
Kementerian Pembangunan  
Emel: [jastre.epm@env.gov.bn](mailto:jastre.epm@env.gov.bn)  
Rujukan: JASTRE/PR/2026



## PRESS RELEASE

### NATIONWIDE RECYCLING DAY IN CONJUNCTION WITH THE WORLD ENVIRONMENT DAY 2026

Sunday, 14 June 2026

14 June 2026 – To mark the conclusion of the World Environment Day 2026 Celebration, the Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development held a Nationwide Recycling Day simultaneously in all four districts namely at JASTRe Anggerek Office and Taman Rekreasi Mini Perayaan Kg Parit at Brunei-Muara District; JASTRe Tutong Branch Office; JASTRe Belait Branch Office and Taman Rekreasi Muhibbah Parking Area, Bangar Town in Temburong District.

This initiative is organized in collaboration and with the support of local recycling companies: Kawan Bumi Sdn Bhd and Shaliz Waste Recycling Sdn Bhd.

A total of **2,771.40kg** of paper waste, **275.90kg** of cardboard, **276.40kg** of plastic bottles, **308.50** litres of used cooking oil, **80** lithium batteries, **703** units of electronic waste and **1,242** used items were successfully collected for recycling.

This initiative is one of the government's efforts to increase public awareness and participation to practice recycling habits, in addition to introducing recycling services available in the country.

For more information on recycling, the public can contact the Department of Environment, Parks and Recreation at 2241262 or visit [www.env.gov.bn](http://www.env.gov.bn) or visit the official Instagram page: [@jastre.bn](https://www.instagram.com/jastre.bn).

- END -

**Prepared by:**  
Department of Environment, Parks and Recreation  
Ministry of Development  
Email: [jastre.epm@env.gov.bn](mailto:jastre.epm@env.gov.bn)  
Reference: JASTRE/PR/2026